

Headline	Bersiap masuk Romania		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Mar 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	18	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	190 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,990
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,971



JELAJAH...Adnan (kanan) bersama penunggang tempatan di Bulgaria.

## Bersiap masuk Romania

**K**UALA LUMPUR: Hampir seminggu menjelajah Bulgaria sejak Rabu lalu, pengembara berbasikal secara solo, Adnan Osman, 69, mula mempersiapkan diri ke Romania bagi meneruskan misinya ke London ketika upacara perasmian Sukan Olimpik 2012.

Katanya, meskipun cuaca tidak menentu di samping kos meningkat sejak memasuki negara itu, dia tidak melihat faktor terbabit sebagai penghalang menjayakan misi apatah lagi ia bertujuan mengutip dana membantu Yayasan Aids Malaysia.

Malah, pesara guru itu berkata, dia semakin bijak

menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling terutama apabila berlaku kesulitan di pertengahan jalan seperti tayar basikal bocor, gear tidak berfungsi dengan baik, kesesakan lalu lintas dan jalan berlubang.

“Semua ini diatasi mengikut keadaan dan kesesuaian. Tidak menjadi masalah besar, malah makanan halal juga begitu apabila saya terpaksa sesuaikan mengikut tempat dan apa yang ada.

“Selepas ini saya akan memasuki Romania dan cuaca bertambah baik kerana musim bunga semakin menjelang. Harap saya boleh mula berkhemah untuk menjimatkan perbelanjaan,”

katanya yang dihubungi menerusi e-mel, semalam.

Adnan turut memberitahu, selepas Romania, dia akan memasuki Hungary, Austria, Jerman dan beberapa negara pilihan lain sebelum terus ke London Julai depan.

Jelajah berbasikal bermula secara rasmi pada 25 September 2011 dan bapa dua anak itu perlu merentasi 15 negara dengan jarak perjalanan sejauh 120 kilometer sehari selama sembilan bulan.

Selain hubungan komunikasi menerusi e-mel, Adnan turut menceritakan detik kembaranya di blog [oandnanxtreme.blogspot.com](http://oandnanxtreme.blogspot.com).